

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memastikan semua perkara di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dengan Pakatan Harapan ini dipatuhi semua pihak.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memberi jaminan bahawa semua yang termaktub di dalam *Confidence and Supply Agreement* (CSA) tersebut akan dilaksanakan dan diambil tindakan segera oleh pihak Kerajaan.

Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pemandu CSA (*CSA Steering Committee*) telah ditubuhkan dan dianggotai oleh wakil daripada pihak Kerajaan dan juga Pembangkang. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan supaya kedua-dua pihak dapat bekerjasama dan berkomunikasi bagi terus menunaikan dan melaksanakan setiap transformasi yang telah dipersetujui. Mesyuarat Pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 11 Oktober 2021.

Justeru, Kerajaan komited terhadap kepentingan rakyat dan negara dalam menghadapi krisis kesihatan khususnya wabak COVID-19, keadaan ekonomi yang mendesak dan kesan sosial yang dihadapi oleh semua lapisan rakyat Keluarga Malaysia.

Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan segala pelaksanaan berjalan dengan baik di bawah sebuah lanskap politik yang baharu melalui transformasi dan pembaharuan dalam tatakelola pentadbiran kerajaan khususnya memperkasakan peranan institusi Parlimen.

Sekian, terima kasih.